

Pelajar perlu kuasai Bahasa Inggeris

► Saranan kepada pelajar baharu UMSKAL untuk tingkat daya saing

LABUAN: Pengurus Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UMS Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi menasihatkan pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) supaya menguasai Bahasa Inggeris bagi memudahkan mereka memahami pengajaran dan pembelajaran (P&P) di bilik kuliah.

Malah, beliau juga mahu mereka menguasai dan mempelajari bahasa antarabangsa yang lain




ISMAIL (dari kiri), Zaki, Harun dan Murnizam mengaminkan doa.

memberikan fokus dan serius menghadapi pelbagai cabaran dalam bidang akademik dan kehidupan seharian.

"Kalau sudah



PELAJAR baharu UMS Labuan gembira bersama Zaki, Harun dan Murnizam.



MURNIZAM menerangkan tanaman cili padi kepada Zaki.

termasuk Mandarin, Jepun, India dan Arab.

"Kalau kita menguasai lebih banyak bahasa, lebih mudahlah kita berinteraksi dengan masyarakat antarabangsa selain memahami pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 600 pelajar baharu UMSKAL pada Majlis Ramah Mesra Pengurus LPU UMS Bersama Pelajar

Baharu UMS Labuan Sesi 2016/2017 di Dewan Kuliah Pusat (DKP), Selasa lalu.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof Madya Dr Ismail Ali, Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad dan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Zaki berada di Kampus Labuan untuk memperusik dan

Mesyuarat LPU UMS Ke-74 Bil. 5/2016.

Pada majlis itu, beliau berkongsi pengalaman mengenai kerjaya seorang hakim dan memberikan pandangan beliau mengenai ekonomi negara.

Beliau mengingatkan pelajar baharu supaya sentiasa meningkatkan prestasi pembelajaran mereka ke arah lebih cemerlang.

Zaki dalam tempoh tiga hingga empat tahun di UMSKAL, mereka perlu



AHLI Lembaga Pengarah UMS beramah mesra dengan Zaki (tengah).

memperolehi keputusan yang baik, pelajar harus memastikan prestasi itu kekal dan terus meningkat pada setiap masa. Kita jangan berpuas hati dengan pencapaian cukup makan sahaja," katanya.

Zaki berkata pelajar harus belajar bersungguh-

sungguh bukan sahaja untuk memperolehi segulung ijazah tetapi mampu menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara serta masyarakat.

Katanya pasaran kerjaya pada masa akan datang menuntut pelajar institusi pengajian tinggi

lebih berdaya saing bukan


sahaja dengan pelajar tempatan tetapi juga pelajar antarabangsa.

Beliau juga mahu pelajar memiliki sikap keyakinan diri yang tinggi termasuk mampu bertanya soalan dan memberikan pendapat yang berasas selaras dengan kedudukan mereka sebagai pelajar berpendidikan tinggi.

"Jangan malu bertanya ataupun memberikan pandangan ketika diadakan dialog atau semasa dalam kelas," katanya.

Beliau juga mengingatkan pelajar supaya sentiasa menjaga nama baik dan imej universiti serta nama keluarga yang sentiasa mengharapkan mereka mampu menghasilkan keputusanyangterbaik dalam pengajian mereka di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Selepas majlis ramah mesra itu, Zaki yang diiringi Murnizam melawat tanaman cili padi yang terletak bersebelahan Dewan Kuliah Pusat itu.



PELAJAR baharu UMS Labuan menyanyikan lagu UMS Bertekad Cemerlang.



ZAKI (tujuh kanan) menunjukkan isyarat bagus bersama Ahli Lembaga Pengarah UMS dan pegawai utama UMS berlatarbelakangkan bangunan UMSKAL.